



## Peraturan 4(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993


Seseorang \*pegawai awam\* hendaklah pada **setiap masa** memberikan taat setianya kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan

### RUJUKAN:


- ❖ Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 16 Januari 2017 'Larangan Melibatkan Diri Dalam Aktiviti Yang Boleh Ditafsirkan Sebagai Tidak Menzahirkan Taat Setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan'
- ❖ Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 7 Jun 2013 'Tanggungjawab Pegawai Awam Dalam Memelihara Integriti Perkhidmatan Awam Semasa Menggunakan Media Sosial di Internet'
- ❖ Surat Edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bertarikh 30 Jun 2011 'Larangan Penglibatan Pegawai Awam Dalam Perhimpunan Haram atau Gerakan Yang Mengancam Keselamatan Negara'

**\*Pegawai Awam\* adalah DILARANG: Berkelakuan yang boleh ditafsirkan sebagai telah tidak menzahirkan taat setia kepada Yang di-Pertuan Agong, negara dan Kerajaan**

*\*Pegawai awam\* merangkumi pegawai dan kakitangan*



Pelakuan tidak menzahir taat setia meliputi **kata-kata, tingkah laku atau perbuatan**

Memberikan **ulasan/pandangan** menerusi aplikasi **media sosial**  **elektronik** serta menyertai aktiviti yang tidak menggambarkan prinsip *neutrality* dan *impartiality*

Jika didapati bersalah boleh dikenakan tindakan tatatertib sehingga **BUANG KERJA**

